



**E-NEWSLETTER**

**Pejabat Hal Ehwal Pelajar**



**KETUA EDITOR**

**PUAN HAWA BINTI OMAR**

**EDITOR**

**ENCIK AHMAD KHIRUL NIZAM BIN ALI**

**PENULIS**

**MOHAMAD FARIS BIN NASHARUDDIN**



heputhm



hep.uthm.edu.my




pheputhm



08 FEBRUARI 2021

### MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK MINGGU TRANSFORMASI MAHASISWA (MTM) SEMESTER 2 SESI 2020/2021



Pada 08 Februari 2021 telah diadakan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Minggu Transformasi Mahasiswa (MTM) Semester 2 Sesi 2020/2021 yang dipengerusikan oleh YBrs. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Afandi bin Ahmad. Pada kali ini MTM akan diadakan sepenuhnya secara dalam talian bermula pada 14 hingga 18 Mac 2021.

10 FEBRUARI 2021

### PROGRAM SABIL AI-HIKMAH SEMESTER 1 SESI 2020/2021

Pemberian bantuan kebajikan pelajar menerusi program Sabil Al-Hikmah UTHM diteruskan pada tahun 2021 melibatkan seramai 411 pelajar yang menduduki peperiksaan akhir Semester I Sesi 2020/2021, di kolej-kolej kediaman di kampus induk Parit Raja dan kampus cawangan Pagoh.

*Soft-launching* Program Sabil Al-Hikmah bagi bantuan yang berupa *food pack* makanan tengah hari telah disempurnakan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Afandi bin Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni) di Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail (KKTDI), kampus induk Parit Raja. Turut hadir adalah Puan Hawa binti Omar, Pengarah Pejabat Hal Ehwat Pelajar dan Dr. Adi Syahid bin Mohd Ali, Pengetua KKTDI. Bantuan Sabil Al-Hikmah kali ini telah bermula pada 08 Februari 2021 secara serentak di lapan buah kolej kediaman Universiti dan akan berakhir pada 11 Februari 2021.



Untuk rekod, sejak Sabil Al-Hikmah dilancarkan pada Mac 2016 hingga Februari 2021, sebanyak 2,088 pek atau kupon makanan tengah hari dengan nilai terkumpul RM294,631.93 telah diedarkan kepada pelajar. Universiti merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada penderma yang telah sudi menyumbangkan bantuan Sabil Al-Hikmah pada kali ini.





17 FEBRUARI 2021

**MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANA  
MINGGU TRANSFORMASI MAHASISWA (MTM) BIL. 1/2021**



Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Minggu Transformasi Mahasiswa (MTM) Bil. 1/2021 (Program Sarjana Muda Semester 2 Sesi 2020/2021) telah dipengerusikan oleh YBrs. Puan Hawa Omar, Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar. Turut hadir ada pegawai-pegawai dari Pusat Tanggungjawab (PTj) yang terlibat secara langsung dengan MTM. MTM kali ini akan diadakan sepenuhnya secara dalam talian, bermula pada 14 hingga 18 Mac 2021. Semoga urusan MTM kali ini berjalan dengan lancar.

17 FEBRUARI 2021

**ZIARAH KASIH YBRS. PROF. MADYA DR. AFANDI AHMAD  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI**

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YBrs. Prof. Madya Dr. Afandi Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) atas kesudian menyantuni Pejabat Hal Ehwal Pelajar. Semoga pasukan PHEP dan HEPA terus kekal positif dan cekal dalam menunaikan amanah dan tanggungjawab berpaksikan integriti, muafakat (harmoni) dan dedikasi (bersungguh-sungguh kerana Allah). Insyallah.







17 FEBRUARI 2021

## MAJLIS SIMBOLIK PENYERAHAN *MOCK* BANTUAN PAKEJ PELAN DATA PELAJAR UTHM



Majlis simbolik ini telah disempurnakan oleh YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Wahid Razzaly, Naib Canselor UTHM dan wakil kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) iaitu Saudara Saiful Helmi bin Mat Nasri .

Seramai 4,900 pelajar UTHM telah menerima bantuan pakej pelan data ini yang mana pihak YES memberikan sumbangan sepenuhnya kepada 4,400 pelajar sebanyak 40GB. Manakala pihak Celcom pula menyediakan untuk 500 pelajar dengan kos ditanggung oleh pihak UTHM. Turut hadir di dalam majlis ini adalah Puan Hawa binti Omar, Pengarah Pejabat Hal Ehwat Pelajar dan staf Pejabat Hal Ehwat Pelajar, UTHM.

28 FEBRUARI 2021

## SAMBUTAN HARI JADI STAF PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR & MAJLIS TAHLIL KEPADA PARA SAHABAT DAN AHLI KELUARGA

Pada 28 Februari 2021 Pejabat Hal Ehwat Pelajar telah mengadakan sambutan hari jadi kepada staf-staf yang lahir pada bulan November sehingga bulan Februari 2021. Sambutan ini disulam dengan sedikit jamu makan yang dibawa oleh staf PHEP. Majlis dimulakan dengan bacaan Yassin dan Tahlil untuk ditujukan kepada para sahabat ataupun ahli keluarga yang telah pergi menghadap tuhan yang Maha Esa.





**HEP**



heputhm



hep.uthm.edu.my



pheputhm

**Pejabat Hal Ehwal Pelajar,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,  
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor**